

Memo yg meminta supaya bayaran yuran—  
dikurangkan dirangka dlm mesyuarat

# Pasak akan buat rayuan kepada pemerintah

PERKUMPULAN Anak-Anak Sandiwaru Angkakan Kesediaan (PASAK) akan mengadakan satu mesyuarat khas hari ini untuk membincangkan tentang rayuan yang hendak dihantar kepada Pemerintah tentang perangkaan seni Silat Melayu.

Rayuan tersebut akan dibuat dalam bentuk satu memo tentang kegiatan seni mempertahankan diri Melayu dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah Undang-Undang Pengajaran Seni Mempertahankan Diri yang bernilai kuatkuasanya 2 September lepas.

Naib Setiausaha Agung PASAK, Enck Abdurrahim Dayan berkata: "Kami tidak dapat mengadakan mesyuarat khas ini mahu lepas kerana ada kerja-kerja persatuan yang harus dilaksanakan dulu.

Dalam mesyuarat ini, kami akan sama-sama merangka memo yang hendak dihantar kepada Pemerintah.

"Borang-borang permohonan untuk pendaftaran ahli-ahli dan guru-guru silat kami serta persatuan kami telah pun siap.

"Ia akan dikirimkan bersama memo tersebut

sebab saja ia siap dirangkakan."

Enck Rahim memberitahu bahawa persatuannya akan tetap membuat permohonan untuk mendaftar diri.

"Dalam pada itu, kami merasakan perlu untuk mencurahkan isihati kami kepada Pemerintah tentang seni Silat Melayu," ujarnya.

## Senaman

PASAK, yang dikenali dengan kegiatan seksi silatnya akan merayu kepada Pengawal Pengajaran Seni Mempertahankan Diri supaya mengurangkan bayaran yuran yang harus dijelaskan oleh badan-badan, guru-guru dan pelatih-pelatih silat.

Di bawah Undang-Undang, yuran pendaftaran bagi badan seni mempertahankan diri ialah \$50 sementara guru-guru membayar \$100 dan pelatih-pelatih membayar \$5 setahun.

Guru-guru dan pelatih-pelatih yang tidak mendaftarkan diri boleh didenda \$2,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Enck Rahim memberitahu seni Silat adalah sa-

tu cabang kesenian puaka masyarakat Melayu dan ia lebih merupakan satu tradisi dan senaman.

Katanya: "Perubahan-perubahan silat di Republik ini diilahkan tetapi lebih untuk menghidupkan cabang kesenian itu.

"Kami tidak mengenaikan bayaran yang tinggi seperti yang dikenakan kepada rayuan yang diperbaharui diri yang lain.

"Apa yang kami kenakan kepada murid-murid silat ialah bayaran yang tidak seberapa yang hendaklah dilaksanakan dengan penuh semangat, mengisakan tabung.

Dia melabrakan harapan agar Pemerintah dapat mempertingkatkan rayuan agar kadar yuran itu dikurangkan manakala rayuan itu dibayar dengan kewajaran dan dengan mempertimbangkan diri yang berminat untuk seni.

"Kami membuat rayuan ini bagi pihak semua badan-badan silat yang lain, ujarnya.

Senaman ini dianjurkan Ka-rate Singapura (SKA) telah pun membuat rayuan kepada Pemerintah tentang beberapa syarat-syarat di bawah undang-undang baru itu.

Perubahan-perubahan tersebut menyuarakan permohonan untuk membatalkan peraturan yang sedia ada sebagai bakal guru Karate serta untuk membolehkan pemegang ta-pinggang hitam terus mengajar silat kepada orang lain.

Ini adalah peraturan yang tidak mengizinkan mereka tidak mempunyai lesen instruktur. Ia juga meminta Pemerintah mengesahkan bayaran yuran minimumnya.